

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 18 RABU 6 MEI, 1970 رابو 29 صفر 1390 PERCHUMA



S.U.K. pulang sa-telah hadhiri sidang ECAFE

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail dan rombongan telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lepas sa-telah menghadiri sidang tahunan ECAFE di-Bangkok.

Lain2 anggota dalam rombongan itu ia-lah Awang Kassim bin Daud, pegawai pentadbiran di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Yang Di-Muliakan Pehin Dato Saudagar Derma Laila Dato Llyod Dolbey, Pengurus Ladang Getah Kerajaan Gadong.

Di-persidangan itu perwakilan2 Brunei telah membentangkan beberapa kertas kerja mengenai projek2 pembangunan di-negeri ini.

Persidangan dua minggu itu telah di-hadhiri oleh menteri2 kabinet dan pakar2 kanan ekonomi dari kesemua 27 buah negara anggota dan tiga anggota bersekutu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohamad Jamil Al-Sufri ketika berucap sa-belum merasmikan Dewan dan Mashuarat Agong Persatuan PERKASA pada hari Juma'at lepas.

BELIA2 DI-SERU: JAGA IDENTITI BANGSA BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato' Utama Dr. Haji Awang Mohamad Jamil Al-Sufri telah menyeru seluruh belia2 di-tanah ayer supaya menjaga identiti bangsa Brunei yang baik untuk di-cherminkan kepada bangsa2 lain di-dunia ini.

Beliau berkata bahawa Brunei ia-lah sa-buah negeri yang aman, tenteram dan mempunyai adat resam serta kebudayaan-nya sendiri dan sudah sawajarnya-lah keamanan dan ketenteraman itu di-jaga oleh lapisan raayat dengan baik supaya nama Negeri Brunei akan sentiasa harum dan dipandang tinggi.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah membuat seruan demikian ketika beliau merasmikan pembukaan dewan baru dan mashuarat agong kali ke-5 Persatuan Kampong Saba, rengkas-nya PERKASA di-dewan Persatuan itu pada hari Juma'at lepas.

Pengarah Dewan Bahasa dan

Pustaka itu juga mengharap-usol penduduk kampong Saba mengikut sejarah Brunei, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja menjelaskan bahawa asal penduduk asli di-kampong itu terdiri dari orang2 yang kuat, gagah dan perkasa.

Menyentuh mengenai asal usol penduduk kampong Saba mengikut sejarah Brunei, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja menjelaskan bahawa asal penduduk asli di-kampong itu terdiri dari orang2 yang kuat, gagah dan perkasa.

Kerana itu-lah orang2 di-Kampong Saba selalu berdamping rapat dengan Sultan dan kerabat2 Di-Raja di-waktu itu sa-hingga sa-bahagian dari orang2 itu telah di-jadikan hulubalang, pahlawan2 dan lain2 lagi.

Beliau juga menguchapkan tahniah kepada ahli2 persatuan itu yang telah memberikan nama persatuan itu PERKASA ia-itu sesuai dengan kegagahan orang2 di-Kampong itu dahulu kala.

Terdahulu sa-belum itu Yang Di-Pertuan MBB., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin dalam ucapan-nya telah melahirkan rasa bangga atas kemajuan2 yang di-chapai oleh persatuan itu terutama dapat membena sa-buah dewan sa-bagai tempat bermufakat mengenai hal ke-bajikan.

Beliau menjelaskan juga bahawa sa-ramai 10 orang belia2 dari negeri ini akan menghadiri perhimpunan belia sa-dunia di-Jepun bulan Julai hadapan.

(Lihat Muka 8)

Rapat Hari Pelajar 6 Jun

BANDAR BRUNEI. — Beribu2 orang kanak2 Sekolah Melayu di-negeri ini akan menyertai Hari Pelajar dalam bulan depan.

Pembukaan-nya akan dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkih pada 6 Jun.

Pembukaan rasmi Hari Pelajar itu akan di-ikuti oleh

satu rapat yang akan di-adakan di-padang SMJA di-Bandar Brunei.

Sembilan kumpulan pelajar2 yang terpilih yang mewakili sekolah2 menengah dan rendah Melayu di-negeri ini akan mengadakan berbagai2 pertunjukan.

Rapat itu akan diikuti dengan tarian2 asli dan lakunan pentas yang akan di-persembahkan oleh kanak2 sekolah.

12 lisen penjual2 sayor di-batalkan

BANDAR BRUNEI. — Lembaga Bandaran telah membatalkan 12 lisen bagi penjual2 sayor di-pasar Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap Lembaga Bandaran berkata, langkah itu di-ambil berikutan dengan keputusan mashuarat lembaga itu yang di-adakan baru2 ini yang hanya mensharatkan penjual2 sayor itu mesti-lah mempunyai tanaman mereka sendiri untuk membolehkan mereka berjual di-pasar. Juruchakap itu menjelaskan lagi,

sa-tengah penjual2 sayor itu memiliki lisen yang di-keluarkan oleh Lembaga Bandaran tetapi mereka tidak membuat dagangan di-situ yang kemudian-nya menyerahkan kepada orang lain.

Juruchakap itu menerangkan bahawa perbuatan2 itu ada-lah menyalahi di-segi peraturan2 yang telah di-keluarkan oleh Lembaga Bandaran.

Pembatalan 12 lisen bagi penjual2 sayor itu ada-lah satu lang-

kah yang sesuai di-samping menchehag berlaku-nya sa-tengah penjual2 sayor mencari keuntungan yang berlebihan dan bertindak sabagai orang2 tengah.

Dua belas tempat2 kosong itu akan di-isikan dengan mempelawa pekebun2 sayor untuk menghantar permohonan2 mereka untuk di-tim-Bandaran.

Bagaimana pun keutamaan akan di-beri kepada pekebun2 sayor yang mempunyai tanaman mereka sendiri.

RANCHANGAN PEREKONOMIAN DI-BRUNEI

(Pada memulakan izinkanlah saya menyatakan bahawa segala apa yang akan saya sampaikan pada cheramah ini ada-lah merupakan pendapat dan pandangan saya sendiri, dan sama sekali tidak merupakan pendapat atau jauh sekali sikap Kerajaan, walau pun saya sendiri ada-lah sa-orang Pegawai Kerajaan).

SAYA berasa ragu2 apabila membaca tajok yang bermaksud ranchangan perekonomian di-Brunei ini, kerana harus apa yang di-katakan ranchangan perekonomian itu pada masa ini tidak berbangkit atau pun jika ada apa yang di-katakan ranchangan Ekonomi Negeri Brunei itu tidak di-susun atau tersusun sechra yang tertentu. Dengan keadaan yang seperti ini saya shorkan supaya cheramah pada petang ini akan di-penuhi oleh serba sedikit kajian2 yang menunjukkan aneka kedudukan perekonomian Negeri Brunei dan setelah itu kita akan membuat beberapa kesimpulan masa'alah dan sa-terus-nya membuat chadangan2 yang ringan bagi mengatasi masa'alah2 itu untuk masa2 yang akan datang.

Kita samâ2 mema'alami bahawa sebahagian besar daripada Ekonomi Negeri Brunei jika di-tilek atau di-pandang dari segi jumlah modal yang terlibat sandaran ekonomi kita ia-lah minyak dan gas, yang mana menurut angka2 yang di-tunjukkan dalam buku ranchangan kemajuan Negeri 1962 — 1966 lebih 80% daripada hasil Negara ada-lah timbulnya daripada perusahaan minyak dan gas itu, wal-hasil hanya lebih kurang 20% sahaja daripada tenaga2 yang boleh bertugas di-Negeri ini bertanggung jawab bagi pengeluaran hasil yang lebih-nya itu. Ini bererti lebih 80% daripada tenaga yang boleh bertugas di-Negeri ini hanyalah mendatangkan 20% daripada hasil2 Negara.

Dalam erti kata lain tiap2 100 orang penduduk yang boleh bertenaga, 80 orang daripadanya tidak bermatapencharian sebagai pekerja2 perusahaan minyak dan gas. Mereka yang 80 orang ini bermatapencharian sebagai pekerja2 kepada Kerajaan atau badan2 perniagaan, pertanian, pengangkutan, badan2 pembinaan dan seumpama-nya yang terdapat di-Negeri ini. Dan yang 20 orang lagi ini

AWANG Abdul Aziz Umar Al-Haj, salah sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan ia-lah di-antara beberapa orang pencheramah yang di-undang khas untuk menyampaikan cheramah dalam Kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama Sa-Negeri Brunei kali yang ke-8 yang berlangsung selama sa-minggu di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah pada 17 hingga 24 April lepas. Dalam kursus itu beliau telah memberikan cheramah mengenai dengan ranchangan perekonomian di-Brunei.

Oleh:

Aw. Abd. Aziz Umar Al-Haj.



tadi ada-lah bertugas sebagai pekerja2 dalam perusahaan minyak dan gas di-Brunei. Tetapi jika di-tilik daripada hasil pendapatan yang 20 orang ini bertanggung jawab bagi mendapatkan 80% daripada hasil negara, sedangkan yang 80 orang tadi itu hanya dapat mengeluarkan sejumlah 20% daripada hasil Negara, (saya akan balik nanti kepada perusahaan2 minyak dan gas), ada-lah menyedekahkan dan agak menghiraukan. Oleh itu pada peringkat ini saya berchadang untuk meneliti serba sedikit apakah kedudukan sebenar-nya di-kalangan pekerja2 yang hanya bertanggung jawab bagi mengeluarkan 20% daripada hasil Negara itu.

KEDUDOKAN PEKERJA2

PERTAMA: Sebahagian besar daripada mereka ini ia-lah perkerja2 atau kakitangan2 yang bermatapencharian sebagai kakitangan Kerajaan. Mereka ini bertugas sama ada sebagai pegawai2 mahupun anggota2 keselamatan ataupun guru2 dan seumpama-nya. Sebahagian besar daripada mereka yang mendapat atau menghasilkan pendapatan yang tinggi pada masa ini ada-lah terdiri daripada pegawai2 profesional dan pinjaman (expatriat) dan pegawai2 tempatan pada keseluruhannya memenohi jawatan2 pertengahan hingga kebawah ia-itu jika diteliti daripada aspek pendapatan. Walauapa peringkat sekali pun boleh di-katakan pendapatan dan kemudahan2 yang terdapat daripada Kerajaan adalah satu2-nya matapencharian yang boleh di-katakan bersaimbangan dan agak sederhana jika di-bandingkan dengan

ngan sumbar2 pendapatan daripada sektor2 yang lain di-Negeri ini.

KEDUA: Selain daripada Kerajaan tadi boleh-lah kita bangkitkan sektor pertanian, kerana sebahagian daripada mereka yang saya sebutkan yang terta'alok kepada lingkungan 80% itu tadi ada-lah juga bermatapencharian daripada usaha pertanian. Dalam segi ini usaha2 pertanian yang terdapat yang mempunyai sek-nifikan ia-lah getah, padi dan sedikit2 kelapa, buah2an dan sayur2an.

Ada-lah di-anggarkan keluasan tanah di-seluruh Negeri Brunei yang mempunyai tanaman getah ia-lah lebih-kurang 22,500 ekar; mengeluarkan hasil lebih-kurang 800 tan hitong panjang pada setahun. Tiap2 satu keluarga yang bermatapencharian dalam bahagian ini mempunyai lebih-kurang di-antara 3 dan 5 ekar dan pengeluaran getah lebih-kurang antara 4 dan 7 kati pada seorang; tergantung kepada jenis benih yang di-tanam. Pendapatan dalam setahun ia-lah lebih-kurang \$1,500/- ia-itu lebih sedikit \$100/-sebulan.

Di-kalangan pekebun2 getah itu tidak banyak di-antara mereka mempunyai rumah2 asap sendiri dan dengan keadaan semacham ini mereka itu tidak berdaya untuk mengeluarkan getah yang bermutu dan akibat-nya tentu-lah pekebun2 itu tidak mendapat harga yang memuaskan.

Tanaman padi di-Brunei ia-lah lebih-kurang 6,500 ekar yang di-usahakan oleh lebih-kurang 2,500 petani ia-itu sebagai jumlah kasar mereka yang bertanam padi dalam Negeri ini. Pukul rata satu2 keluaraga hanya bertanam 2 ekar sahaja dan seluas ini tentu saja tidak boleh di-anggap sebagai satu keluasan yang cukup bagi satu2 keluarga. Tanaman padi di-Brunei hanya-lah satu musim setahun dan ada-lah di-jangkakan hasil bagi tiap2 ekar hitong panjang 350 gantang. (600 gantang di-Malaysia, dan ada juga samapai 1,000 gantang di-negara2 di-wilayah ini).

Selain daripada padi dan getah itu tadi ada juga di-antara petani2 kita bertanam kelapa, yang mana pada masa ini jun-

lah tanaman kelapa ia-itu le bihkurang 800 ekar saja. Selain dari itu petani2 di-Brunei ini juga bertanam buah2an yang berjumlah lebih-kurang 850 ekar, sagu 1,600 ekar, lada sulah 50 ekar dan sayur2an adalah sa-banyak 43 ekar.

Dalam hal teranakan seramai lebih-kurang 2,000 petani2 melibatkan diri mereka dalam pemeliharaan 400 orang memelihara lembu, 200 lebih memelihara kambing dan hampir2 5,000 orang menternak ayam.

PETANI

Jika di-negara2 lain yang di-katakan petani2 itu ada-lah biasa-nya orang2 atau pekerja2 yang tidak lain dan tidak bukan bertugas sebagai benar2 kaum tani yang tidak men-champoradokkan matapencharian itu dengan lain2 matapencharian, tetapi kita di-Brunei apabila di-katakan petani bererti mereka itu juga sebagai pekerja atau buroh kepada Jabatan2 Kerajaan atau pun pemburong. Tanaman padi hanya-lah di-jalankan pada musim-nya dan teranakan serta kebun buah2an ada-lah dilaksanakan sa-chara sambilan2. Jika petani2 di-Brunei ini hanya khusus sebagai petani2 seperti di-negara2 lain barang setentunya pendapatan dan hasil2 pertanian yang saya sebutkan itu tadi tidak boleh memberi satu kehidupan yang setimbang dengan kehidupan2 yang terdapat di-negeri ini. Tetapi oleh kerana petani2 kita sentiasa juga berhidup dalam bidang2 yang lain sambil membuat kerja2 yang biasa, maka hasil2 daripada pertanian dan ternakan-nya itu pada keseluruhannya ada-lah di-sifatkan sebagai sumbar pendapatan sembilan2 yang boleh dan sebenar-nya menambahkan pendapatan yang tetap. Jadi tidak hairan-lah sa-chara ini mereka boleh berhidup dan mengeluarkan generasi2 yang lebih sehat dan chergas.

Dalam segi pemasaran untuk hasil2 Pertanian dan teranakan ini ada-lah di-jalankan sa-chara yang bersendirian. Kita sama2 mengalami bahawa pada musim buah banyak anak2 kampung membuat rumah2 pundok di-tepi2 jalan, pada mana mereka menjual hasil2 (Lihat Muka 6)

BARANG di-ketahui bahawa tiap2 amal ibadat yang di-suruh ada dengan peratoran yang tertentu dan sebab-nya sama ada di-wajibkan atau sumpama-nya dan di-samping itu ada pula syarat2 yang menjadikan amal ibadat itu sah atau sa-balek-nya mengikut apa yang telah di-tentukan oleh shara.

Dengan lain perkataan amal ibadat bukan-lah dapat di-buat dengan meniru atau dengan melihat kerana chara yang sa-demikian banyak membawa kapada kesalah-lahan daripada menepati yang sa-benar misal-nya Allah telah mewajibkan bersuchi terlebih dahulu sa-belum sembahyang sama ada bersuchi daripada hadas kechil atau besar dengan chara2 yang tertentu sa-bagaimana tersebut dalam Al-Quran dalam surat Al-Madah ayat 6 yang bermaksud:

Peratoran2 dalam melakukan amal ibadat yang di-suruh

KHUTBAH JUMA'AT

"Amal ibadat bukan-lah dapat di-buat dengan meniru atau dengan melihat, kerana chara demikian banyak membawa kesalahan"

beh dahulu dan chara bersuchi itu sama ada dengan udzu sahaja atau mandi atau bertiamum jika tidak ada ayer atau sakit dengan chara yang tertentu dan Allah menyeru berbuat demikian bukan-lah menyusahkan hamba-nya bahkan perbuatan seperti itu adalah membersehhkan diri kita yang mana berseh itu ada-lah perkara yang di-sukai oleh manusia sendiri dan kebersehan ada-lah membawa kapada kebaikan manusia itu di-dalam hidup-nya sa-hari2, dan kebersehan itu ada-lah sa-bahagian daripada iman, begitu juga dengan hal-nya pada ibadat2 lain seperti sembahyang, ada di-dalam-nya takbir, ruku', sujud dan bacaan2 yang mesti betul dan di-buat sa-bagaimana di-nyatakan.

Kalau satu2 rukun atau satu2 perbuatan itu tidak betul seperti sujud yang tidak cukup syarat2 pada mengenakan ka-atas tempat sujud dengan tiap2 anggota, seperti sujud di-halang oleh benda2 yang tidak di-haruskan seperti tertutup dahi atau tidak di-kenakan perut jari kaki ka-atas tempat sujud, maka itu ada-lah sujud yang telah tidak mengikut peratoran.

Oleh itu ada-lah di-serukan kapada sidang Juma'at dan orang2 Islam sekalian hendak-nya tiap2 ibadat itu di-kerjakan dengan betul dan jangan-lah beribadat kapada Allah sa-bagai pak turut atau pun si-uru2 sahaja (membuat satu2 perbuatan dengan tidak tahu hujung pangkal-nya), kerana di-takutkan ibadat kita tidak di-terima dan hutang tidak terbayar dan penyasalan akan timbul di-hari kemudian yang tidak dapat di-salahkan kapada siapa2. Moga2 dengan ibadat kita betul2 dengan hati yang khusu' dan lagi berseh, kita akan terlepas daripada kewajipan dan kita akan dapat menerima nikmat yang akan di-sempurnakan oleh Allah sa-bagaimana di-janjikan di-dalam ayat tadi.

"Wahai orang2 yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, basoh-lah muka mu dan kedua tangan mu hingga ka-siku sapu-lah kepala mu dan basoh-lah muka mu dan kedua kaki mu hingga ka-buku lali dan sekira-nya kamu berjunop hendak-lah kamu mandi dan jika kamu sakit atau di-dalam pelayaran atau datang salah seorang daripada kamu dari tempat membuang ayer atau kamu sentoh perempuan pada hal kamu tidak ada ayer untuk bersuchi, maka hendak-lah kamu bertiamum dengan tanah yang berseh kamu sapukan di-muka kamu dan kedua tangan mu dengan tanah itu, Allah ta-mahu menyusahkan, tetapi Allah hendak mensuchi kamu dan menyempurnakan nikmat ka-atas kamu, mudah2an-nya kamu bershukor kapada Allah".

Dari maksud ayat di-atas dapat-lah kita fahami bahawa siap2 yang hendak bersembahyang hendak-lah bersuchi terlebih dahulu dan chara bersuchi itu sama ada dengan udzu sahaja atau mandi atau bertiamum jika tidak ada ayer atau sakit dengan chara yang tertentu dan Allah menyeru berbuat demikian bukan-lah menyusahkan hamba-nya bahkan perbuatan seperti itu adalah membersehhkan diri kita yang mana berseh itu ada-lah perkara yang di-sukai oleh manusia sendiri dan kebersehan ada-lah membawa kapada kebaikan manusia itu di-dalam hidup-nya sa-hari2, dan kebersehan itu ada-lah sa-bahagian daripada iman, begitu juga dengan hal-nya pada ibadat2 lain seperti sembahyang, ada di-dalam-nya takbir, ruku', sujud dan bacaan2 yang mesti betul dan di-buat sa-bagaimana di-nyatakan.

Sambutan Maulud Nabi di-Daerah Brunei-Muara

BANDAR BRUNEI. — Kaum Muslimin di-Daerah Brunei-Muara akan mengadakan sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. pada hari Isnin 18 Mei ini dengan perhimpunan di-padang Besar Bandar Brunei dan perarakan mengelilingi bandar sa-chara besar2an.

Sambutan tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-bagai memperingati hari kelahiran Nabi Mohammad s.a.w. dan akan bermula pada jam 1.45 petang.

Pasokan yang akan mengambil bahagian dalam perarakan itu pada mula-nya akan berhimpun di-padang besar sebelum berarak mengelilingi bandar.

Sa-telah berarak, pasokan2 itu berhimpun semula di-padang tersebut untuk mendengar sharahan2 khas.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, perarakan itu akan di-bahagikan kapada beberapa bahagian yang mengandongi persatuan2 belia, sekolah2,

maktab2, jabatan kerajaan dan badan2 perniagaan serta kampung2.

Juruchakap itu berkata, borang2 untuk menyertai perarakan itu telah di-edarkan. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Perarakan, Awang Haji Mohammad Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei tidak lewat dari 11 Mei, jam 4.00 petang.

468 orang lulus pereksa Ugama

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 468 orang penuntut kelas2 dewasa ugama, termasuk 103 orang penuntut lelaki telah lulus peperiksaan peringkat rendah, dalam berbagai perkara mengenai ugama.

Peperiksaan yang di-adakan di-84 buah pusat pada 13 Februari itu, di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-ramai 546 chalu yang masuk peperiksaan itu, 428 daripada-nya ada-lah chalu2 perempuan.

Mereka yang berjaya 302 orang dari Daerah Brunei-Muara; 57 dari Tutong; 82 dari Belait dan 27 dari Temburong.

Tahun lalu, sa-ramai 371 orang penuntut, termasuk 157 orang penuntut perempuan lulus peperiksaan peringkat rendah dan menengah. 13 orang daripada chalu yang lulus dalam peringkat menengah adalah dari Kemah Tahanan Berakas.

Penyemboran ubat DDT

TEMBURONG. — Rombongan dari Projek Penghapusan Malaria sekarang ini berada di-Daerah Temburong untuk menjalankan penyemboran ubat DDT di-11 buah kampung di-daerah itu mulai 5 hingga 27 Mei ini.

Pihak berkuasa Projek Penghapusan Malaria telah meminta Penghulu2 dan Ketua2 Kampung yang berkenaan supaya bersedia untuk menolong rombongan penyemboran itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 6 Mei 1970 hingga ka-hari Selasa 12 Mei 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
6 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
7 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
8 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
9 Mei		12-23	3-38	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
10 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-39	4-53	6-06
11 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06
12 Mei		12-23	3-39	6-31	7-43	4-38	4-52	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



6hb. Mei, 1970.

KECHUAIAN PENGIMPOR2

PEMANGKU Pengawal Kastam dan Bea, Awang Abdul Aziz Umar Al-Haj mengingati kepada pengimp2 di-negeri ini tentang betapa perlunya mereka menunjukkan dokument2 yang tertentu bagi memudahkan barang2 yang mereka import dari luar negeri untuk di-bawa keluar dari Kastam Di-Raja Brunei.

Beliau memberi amaran bahawa tindakan undang2 akan diambil terhadap pengimp2 yang sengaja mengelirukan pegawai2 kastam baik mengenai dengan harga barang2 yang di-bawa masuk itu, mahupun nama negara asal barang2 itu di-keluarkan dan lain2 malumat yang penting seperti yang di-kehendaki dalam undang2 pengakuan.

Memandang kepada kenyataan yang di-buat beliau ini, maka ada-lah jelas menunjukkan betapa keadaan yang memeningkan kepada pegawai2 kastam telah berlaku, akibat perbuatan sa-winang2 yang di-lakukan oleh sa-bahagian dari pengimp2 tempatan.

Pengimp2 di-negeri ini, yang sudah tentu sa-bilangan besar-nya terdiri dari ahli2 perniagaan, nampak-nya telah tidak begitu mengindahkan peraturan2 yang sa-mesti-nya dipatohi dalam soal memasokkan barang2 dari luar negeri untuk menjadi bahan perniagaan mereka. Mereka sa-patut-nya, kalau mahu melicinkan perniagaan, hendak-lah terlebih dahulu mempelajari dan mematuhi perkara2 yang penting di-lakukan, terutama yang berkait rapat dengan undang2 dan peraturan yang di-kehendaki oleh negara.

Kebanyakan peniaga2 kita di sini telah tidak menempatkan sa-bagai perkara yang utama berhubung dengan kerja2 mengimp2 barang2 dari luar negeri. Mereka menganggap pekerjaan itu sa-bagai perkara yang senang sahaja dan tidak perlu di-hiraukan. Ini dapat kita anggap sa-bagai satu kesilapan yang besar, yang mana mereka sa-olah2 lupa bahawa kita mempunyai undang2 dan peraturan sa-bagai pasak keamanan dan ketenteraman negara. Sa-tiap perkara yang di-lakukan, apalagi yang melibatkan hak2 negara hendak-lah di-lakukan dengan menurut kehendak Undang2 dan Peraturan2 dan ada-lah perkara yang bukan aneh sifat-nya, jika sa-satu tindakan di-jalankan ka-atas orang2 yang melanggar-nya atau tidak menghormatinya. Dan, kerana Undang2 dan Peraturan2 juga, maka pehak kastam terpaksa menjalankan tindakan2 menahan barang2 yang di-masokkan ka-negeri ini yang di-lakukan dengan tidak mempunyai keterangan2 yang cukup, apa lagi ka-atas keterangan2 yang di-buat palsu, maka tindakan yang lebih berat menurut undang2 akan dikenakan ka-atas pengimp2 itu.

Mereka hendak-lah memereka sa-mula kesalahan2 atau kesilapan2 yang telah mereka lakukan dan hendak-lah kesilapan2 itu di-buat sa-bagai pelajaran dan tidak akan mengulangi-nya lagi demi untuk menyenangkan pehak Kastam dan juga melicinkan perniagaan mereka.

BELIA TANAH AYER:

Chorak "PESAKA" dalam masa 10 tahun

MENJELANG tanggal 1 April, 1970, maka genap-lah usia Persatuan Melayu Keriam Tutong 10 tahun. Dalam jangka umur-nya 10 tahun itu tidak heran-lah ia-nya mengalami berbagai2 kesulitan, menghadapi segala chabaran sabelum ia-nya melangkah maju sapatak kehadapan.

Dengan kekuatan azam dan semangat rasa kesedaran yang di-seritai tanggung jawab yang jujur dari pemimpin2 persatuan itu, maka berdiri-lah persatuan itu untuk memainkan peranan penting terhadap masyarakat kampung di-sekitarnya.

Sungguh pun demikian ada juga di-antara ahli2 persatuan itu tidak yakin bahawa persatuan itu akan tetap hidup dan akan tetap berjasa kepada kampung di-mana persatuan itu di-ujudkan.

Setia Usaha Agong Persatuan itu Awang Junaidi bin OKSN. Mohd. Safar menyatakan bahawa pengalamatan2 yang di-tempoh selama 10 tahun itu ada-lah merupakan pengalaman2 yang pahit kerana sa-tiap sa-suatu chiptaan baru kurang sedikit keperchayaan di-berikan malah ada gulungan yang mengangap persatuan untuk para pemuda dan pemudi saja.

Awang Junaidi menjelaskan bahawa pemimpin2 persatuan itu chuba berusaha memberi keyakinan bagi mengalehkan fikiran2 fanatik itu ka-araf satu chorak perubahan fikiran dengan mempraktikkan-nya sa-chara langsung mengenai chita2 berpersatuan.

Dua tahun kemudian sa-telah persatuan itu di-tubuhkan, maka ia-nya telah berjaya menubuhkan sa-buah dewan dan di-perchayai ada-lah merupakan dewan yang pertama sekali di-dirikan oleh sa-buah persatuan belia di-Daerah Tutong. Dewan itu di-dirikan dengan tenaga gutong ruyong yang menelan belanja kira2 \$1,500.00.

Tiga tahun kemudian sa-telah dewan itu di-dirikan tidak ada sa-tu2 kegiatan di-selenggarakan tegas-nya projek2 tertentu tidak dapat di-jalankan dan hanya tinggal nama dan dewan-nya saja.

Masa'alah ini selalu di-fikirkan dan di-perkatakan malah di-pandang berat oleh sa-golongan angkatan muda yang pada ketika itu tidak di-beri kesempatan untuk memimpin persatuan. Dalam jangka waktu lima tahun itu persatuan Melayu Keriam merupakan hidup segan mati ta'mahu.

Masok tahun keenam-nya puchok pimpinan persatuan telah bertukar ka-tangan angkatan muda yang lebih progresif. Sungguh pun demikian gulungan angkatan tua yang menjadi asas penubuhan persatuan itu tidak-lah di-kechualikan malah terus bertindak memberikan bimbingan dan kerjasama kerana kesedaran berpersatuan sedikit sa-banyak mulai mengambil tempat.

Dengan kerjasama yang erat antara kedua pehak (gulungan muda dan gulungan tua) beberapa kemajuan telah dapat di-chapai dan nampak-nya dari sa'at itu-lah persafahaman, kemahuan dan tenaga2 gutong ruyong dapat di-majukan bersama.

Puchok pimpinan yang jujur merupakan urat nadi penggerak menerajukan hala kemana chita2 persatuan mengikut lunas2 yang halal.



Kedai Sharikat Persatuan PESAKA di-sebelah kanan dan dewan persatuan itu (kiri).

Menurut Awang Junaidi, dalam tahun 1966 persatuan Melayu Keriam Tutong telah dapat membuat satu undang2 yang berupa pindaan dan tambahan pada keseluruhan-nya sa-hinggakan nama persatuan itu di-ubah dari PMKT kepada PESKA.

Dari sa'at itu-lah pandangan masyarakat kampung terhadap persatuan mulai di-amal pernatian di-mana sesudah undang2 pindaan dan di-buat 35 orang telah mendaftarkan nama untuk memasok persatuan.

Serentak dengan itu projek2 tahun yang di-kendalikan oleh persatuan itu telah dapat di-jalankan malah mendapat sambutan yang baik hingga terbokti pada hari ini.

Projek2 itu antara-nya perlumbaan jalan kaki terbuka kepada persatuan2 belia dan sekolah2 di-seluruh negeri, pertandingan bola sepak dan peraduan bahas terbuka kepada persatuan2 belia di-Daerah Tutong.

Bulan Julai 1967 terbena-lah sa-tu lagi projek besar persatuan itu di-mana sa-buah kedai sharikat yang menelan belanja tidak kurang dari \$2,000.00 yang di-modali bersama oleh anggota2 persatuan itu sa-chara penjualan saham.

Modal pertama kedai itu sa-lain daripada harga pembeanaan bangunan ia-lah berjumlah \$5,000.00 dengan ahli-nya sa-ramai 92 orang. Sesudah berjalan dalam sa-tahun nampak-nya kedai itu mendapat untung bersej sa-banyak \$4,000.00 dan dalam bulan Januari 1969 hingga Januari 1970 kedai itu mendapat keuntungan sa-banyak \$6,405.00.

Persatuan Melayu Keriam juga memiliki sa-buah bas pengangkutan bagi murid2 sekolah yang di-sewa khas oleh Kerajaan. Bas itu dibeli dengan harga \$19,130.00 ia-itu hasil dari penjualan saham kepada ahli2. Sa-lain dari bas, persatuan itu juga mempunyai sa-buah lori yang berharga \$7,129.00 untuk kegunaan dan urusan kedai sharikat itu bagi menghantar barang2 keperluan ka-rumah2 ahli yang tidak mempunyai kenderaan.

Persatuan itu telah berjaya mendapatkan satu tender rancangan makan sekolah2 sa-banyak dua blok yang mengandungi tujuh buah sa-takat berkisar di-bidang itu sa-sekolah di-Daerah Tutong.

Projek2 persatuan itu bukan-lah sa-takat berkisar di-bidang itu saja malah ia-nya membayangkan projek yang lebih luas untuk keseluruhan ahli2-nya. Kesanggupan

ahli2 persatuan itu telah terbokti apabila 76 orang ahli-nya menaroka sa-luas 150 ekar tanah paya di-batu 234 Jalan Tutong di-jadikan perusahaan penanaman padi sa-chara perhubungan.

Hitung panjang padi yang diperolehi dari tanah itu berjumlah kira2 26,000 gantang pada tahun ini. Ini bererti tiap2 sa-orang mendapat hasil 300-400 gantang bagi tanah sa-luas dua ekar.

Persatuan itu juga berchadang untuk membeli jentera pengisar padi tetapi rancangan itu ada-lah bergantung kepada kemajuan2 perusahaan padi itu.

Persatuan itu tidak ketinggalan juga menganjurkan kelas2 dewasa untuk menggalakkan ahli2-nya menuntut pelajaran. Ia-nya juga ikut serta dalam temasha hari2 keramaian saperti hari keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan, sambutan2 Maulud Nabi dan lain2 temasha yang di-anjurkan oleh persatuan2 belia di-negeri ini.

Beberapa orang dari ahli2 persatuan itu telah terpilih keluar negeri saperti mengikuti kursus pimpinan dan seni drama di-Kuala Kubu Baharu Malaysia Barat.

Sa-orang dari ahli J/K tertinggi-nya juga terpilih ka-Universiti Malaya Kuala Lumpur bagi mengikuti kursus tertinggi belia2 Asia.

Ahli2 persatuan itu tidak ketinggalan juga menyumbangkan tenaga mereka untuk mengambil bahagian dalam pengkajian chontoh dan sosial dan demografi yang di-anjurkan oleh kerajaan tahun lalu.

Untuk melengkapi pejabat persatuan itu mereka telah membelanjakan wang sa-banyak \$600.00 untuk membeli kerusi meja yang mana sa-bahagian daripada harga itu di-biaya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Persatuan itu bersetuju mengeluarkan wang \$3,000.00 untuk di-jadikan modal bagi menyertai sharikat kerjasama yang di-anjurkan oleh Majlis Belia2.

Mengkaji sa-pintas lalu akan kegiatan2 yang di-usahakan oleh Persatuan Melayu Keriam Tutong, nampak-lah pada kita usaha2 yang telah di-laksanakan itu merupakan satu kemampuan yang tinggi biarpun itu telah mencapai 10 tahun.

Hingga ka-sa'at ini segala projek2 yang di-usahakan oleh persatuan itu mengandungi unsur2 yang boleh di-banggakan. Ini juga disebabkan kerjasama yang erat dari semua gulungan terutama pemimpin2 persatuan itu sendiri yang menyedari hakikat persatuan yang sah mengikut landasan2 tertentu.

Pameran lukisan dan pertukangan tangan sekolah2 seluruh negeri

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu di-seluruh negeri akan mengadakan pertunjukan lukisan dan hasil pertukangan tangan dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pada 9 Mei, sekolah2 Melayu di-daerah Temburong akan mengadakan pertunjokkan-nya itu di-Sekolah Melayu Sultan Hassan di-Pekan Bangar, dan pertunjokkan yang sama akan diadakan oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Tiga di-Sekolah Melayu Dato Gandi.

Sekolah2 Melayu di-daerah Belait akan mengadakan pameran-nya di-Sekolah Melayu Muhammad Alam di-Seria pada 10 Mei.

Pada hari Khamis 14 Mei, Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu akan mengadakan pertunjokkan-nya di-Sekolah SMJA Puser Ulak di-Bandar Brunei, dan Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Dua akan mengadakan pertunjokkan-nya di-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya.

Pertunjokkan yang serupa akan di-adakan pada 16 Mei oleh Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua bertempat di-Sekolah Melayu Anggerek Desa, dekat Bandar Brunei.

Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu, akan mengadakan pertunjokkan lukisan dan hasil pertukangan tangan-nya pada 17 Mei di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

AMDB jalankan Latehan menembak di-Kg. Bintauran

TUTONG. — Pasokan meriam katak Askar Melayu Di-Raja Brunei, akan menjalankan latehan menembak dengan menggunakan peluru2 betul pada 21 dan 22 haribulan Mei, antara pukul 2.00 petang dan 3.00 petang, di-kawasan latehan di-Kampung Bintauran dekat Penanjong, Daerah Tutong.

Peluru2 meriam katak itu boleh di-tembak dengan jarak 8,500 kaki paling tinggi.

Penduduk2 di-kawasan itu ada-lah di-nasehatkan supaya tidak berada berhampiran dengan kawasan latehan.



KOLAM2 IKAN DI-SUNGAI JAMBU MULA DI-GUNAKAN

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perikanan telah siap membuboh kapur dan membuat persediaan bagi penggunaan semua lapan belas buah kolam ikan, di-kawasan Lembah Sungai Jambu, Jalan Gadong dekat Bandar Brunei.

Gambar kanan menunjokkan pekerja2 Jabatan Perikanan sedang melepaskan anak2 ikan ke-dalam salah sa-buah kolam ikan.

Bendiri di-kanan sekali ialah Dr. Birkenmeir. Sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari-pada kolam2 ikan di-Sungai Jambu.

Pegawai Perikanan Negara Dr. Birkenmeir berkata, kaki tangan jabatan-nya telah mula memelihara anak2 ikan Tilapia dalam kolam2 itu, dan kemudian-nya semua kolam2 itu akan di-penohkan dengan anak2 ikan Lampam Jawa, Tilapia dan Gurami.


Beliau berkata, kolam2 ikan itu akan di-gunakan untuk menternak anak2 ikan untuk di-bahagikan kepada mereka yang memiliki kolam2 ikan di-negeri ini, dan kerana tujuan2 perhubungan.

Pembinaan ladang ternakan ikan di-satu kawasan seluas 14 ekar itu telah siap awal tahun ini.

Dari 18 buah kolam ikan itu, tiga sa-besar satu ekar, tiga seluas sa-tengah ekar, dua suku ekar dan 10 lagi yang kecil.

Jabatan Perikanan juga akan menggunakan ladang ternakan ikan itu untuk memberikan latehan kepada nelayan2 tempatan.

Dr. Birkenmeir berkata, ahli2 persatuan2 peladang yang menjalani kursus2 pertanian, boleh melawat ka-kolam ternakan ikan itu di-akhir kursus mereka.



Peraduan gambar2 photo anjoran Persatuan Photo Brunei

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Photo Brunei akan menganjorkan satu pameran gambar2 photo bagi jurugambar2 di-Asia, yang akan diadakan di-Bandar Brunei dalam bulan Oktober tahun ini.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, borang2 untuk menyertai pameran itu, telah pun di-edarkan kepada jurugambar2 tempatan dan sa-berang laut.

Kata-nya, gambar2 photo hendak-lah di-kirimkan kepada Setia Usaha persatuan itu Awang Liew Kok Pheng di-alamatkan Peti Surat 1025 Bandar Brunei, tidak lewat dari 17 September.

Gambar2 photo itu akan di-hakimkan pada 20 September, dan pameran-nya akan di-adakan pada 25 Oktober.

Hakim2-nya terdiri dari Awang Wong Ah Bee, Awang

Liew Kok Pheng dan Awang Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Negeri2 yang di-jadualkan akan mengambil bahagian di-pameran itu ialah Hong Kong, Nepal, Filippina, Singapura, Taiwan, Thailand, Vietnam Selatan, Jepun, New Zealand, Australia, Malaysia dan Brunei.

Balai pulis KB siap bulan Nob.

BANDAR BRUNEI. — Kerja2 pembinaan balai polis yang baru di-Kuala Belait sedang berjalan lancar.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata, kerja2-nya yang di-mulakan sejak penghujung

Majlis Mashuarat Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait pada hari Sabtu lepas telah mengadakan sidang bulanan-nya di-bilik mashuarat pejabat2 kerajaan di-Kuala Belait.

Tidak ada usul yang dibentangkan di-mashuarat itu, bagaimana pun majlis telah mendengar satu ucapan penanggoohan oleh Malai Mashor bin Malai Haji Abdul Hamid, wakil pekan Seria mengenai perhubungan antara pekerja2 anak2 tempatan dengan majikan.

tahun lalu di-jadualkan siap dalam bulan Nobember tahun ini.

Kemlek itu juga termasuk pembinaan sa-buah kanten dan barek2 untuk anggota2 pulis yang sudah beristeri. Seluruh projek itu akan menelan belanja \$153,714.00.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI..... 3



Nama: Gantang.

Penerangan: Tulisan yang terdapat di-gantang itu ia-lah "Ini-lah gantang perintah Brunei Al-Malikul Adil (Raja yang adil) tarikh 1292 (1875 masehi)". Tarikh yang terchatet di-gantang itu ada-lah dalam masa pemerintahan Sultan Abdul Mumin, Sultan Brunei ke-24 (1852-1885). Gantang ini bukan saja terdapat di-negeri ini, malah pernah di-jumpai di-Ulu Sungai Baram, Sarawak ketika rombongan Muzium Brunei mengadakan kerja luar ka-sana tahun 1968. Penyebaran-nya ia-lah dengan ada-nya pedagang2 dari Bru-

PULANG SA-TELAH
TAMAT KURSUS

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang Juruteknik Gigi dari Rumah Sakit Besar Brunei yang telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu selepas menamatkan kursus mereka di-Sekolah Latehan Gigi di-Pulau Pinang.

Mereka itu ia-lah Awang Kassim bin Haji Ahmad, Awang Kamaluddin bin Elim dan Awang Momin bin Jaafar.

nei yang berniaga ka-sana waktu dahulu. Penggunaan gantang ini hingga-lah ka-awal kurun 20 ini.

Gantang ini di-buat daripada tembaga berchampur sedikit besi (iron). Di-beli di-daerah Brunei dalam tahun 1963.


Sukatan: Lebar 7½ inchi.
Tinggi 6½ inchi.

Gambar Muzium ini menunjukkan "Tanggiling" (Pangolin) yang telah di-hadiahkan kepada Muzium Brunei oleh Ak. Maidin bin Pengiran Haji Munggo, Kampong Manggis, Jalan Muara.

Binatang2 tempatan seperti ini ada-lah di-kehendaki oleh Muzium Brunei untuk di-pamerkan di-bangunan Muzium baru di-Kota Batu.

Orang ramai yang mendapat binatang2 tempatan seperti burung2, kupu2, ular, kijang dan jenis2 binatang yang lain sama ada maseh hidup atau pun baru mati ada-lah di-minta supaya menghantar binatang2 itu ka-muzium.

Kulit2 binatang itu hanya akan di-ambii dan bentuk-nya akan di-olah semula seperti bentuk asal dengan di-bubohi bahan2 champoran untuk membolehkan ia-nya di-simpan lebeh lama dalam muzium itu.

Rancangan perekonomian
di-Brunei

(Dari Muka 2)

kebun buah2an mereka. Selain dari itu pada tiap2 hari Juma'-at mereka dari luar bandar pergi ka-pekan menjual hasil2 mereka sendiri; kadang2 sa-chara langsung dan kadang2 melalui orang2 tengah. Hasil sayor2an pula di-jual kebanyakan-nya melalui orang2 tengah dan ha-nya sebilangan kechil sahaja yang berpeluang menjual sendiri sa-chara langsung. Sistem2 mengenai dengan taraf hasil2 pertanian itu, ia-itu yang menunjukkan atau membahagi hasil2 kepada2jenis2 daripada yang terbaik dan seterusnya sama sekali tidak ada. Pendik kata boleh-lah di-katakan pemasaran hasil2 Pertanian dan teranakan tidak tersusun dan tidak bersistem yang boleh di-sifatkan sebagai Ekonomikal.

KETIGA: Bagi Kaum2 nelayan pada am-nya mereka ini ada-lah khusus bertugas sebagai nelayan2 biasa dengan tidak menchampur adokkan matapencharian ini dengan mata2 pencharian yang lain seperti kaum2 tani tadi. Selain daripada kebenaran yang berchurak pengeluaran lisen menangkap ikan tidak ada langsung kuasa2 yang mengawal atau memimpin perjalanan perikanan di-Negeri ini pada masa ini. Walaubagaimanapun kita sama2 mema'alomi bahawa satu Jabatan Perikanan belum lama ini telah di-tubuhkan oleh Kerajaan yang mana pada masa ini saya perchaya ada-lah iktib dalam menyusun dan menyiasat kedudukan penangkapan dan pemeliharaan ikan di-seluruh kawasan2 Brunei.

Ada-lah menyedihkan pada peringkat ini bahawa keterangan2 yang agak tegas sehingga sekarang belum tersusun dan terdapat mengenai dengan kedudukan sebenar-nya kaum2 nelayan di-Negeri ini. Apa yang dapat di-ramalkan hanya-lah kaum2 nelayan itu sebahagian besar daripada-nya terdiri daripada orang2 Melayu yang telah turun temurun sebagai kaum2 nelayan. Oleh yang demikian mereka ini maseh menggunakan alat2 dan mengamalkan chara penangkapan ikan yang telah di-turun temurunkan juga, yang mana tidak semesti-nya seimbang dengan keadaan pada masa ini. Penjualan ikan di-seluruh Negeri ada-lah di-laksanakan oleh orang2 tengah, walaupun sebahagian daripada-nya sekarang sudah di-ambilalih oleh kaum2 nelayan sendiri. Alat penyejok dan pengangkutan ada-lah di-punyai dan di-laksanakan sa-chara bersendirian dan kechil2an.

Tidak ada terdapat sebarang organisasi yang tersusun dan sa-chara besar2an yang ekonomikal. Dengan sebab itu

harga di-Negeri ini tidak tetap; kadang2 mahal, kadang2 murah ia-itu tergantung pada banyak-nya penangkapan ikan dari satu masa ka-satu masa. Dengan sebab ini-lah juga ada kala-nya hasil2 penangkapan itu sampai kapada had pembadziran kerana banyak-nya dan ada pula kala-nya harga ikan itu sampai kapada had yang berlebehan kerana kekurangan penangkapan ikan. Keadaan yang seperti ini-lah yang menyebabkan kehidupan atau ekonomi nelayan itu tidak begitu stibal dan boleh mandatkan kegelisahan kapada mereka dan keluaraga2 tanggungan mereka yang mana pula boleh menimbulkan masa'-alah2 sosio-ekonomi, dan kerap-kali melarat kapada politikal.

KEEMPAT: Selain daripada mata2 pencharian yang besar sebagai kakitangan2 Kerajaan, Pertanian dan perikanan itu tadi, tenaga buroh di-negeri ini ada-lah juga tertumpu kapada perburohan dalam aspek2 perusahaan dan perdagangan. Sebahagian besar daripada anak2 tempatan di-negeri ini boleh-lah di-katakan hanya memenohi peringkat2 perburohan kasar yang mendapat gaji di-antara \$6 kapada \$8/- sehari terta'alok kapada bayaran kerana lebeh masa. Peringkat2 yang terlebeh dan peringkat yang lebeh tinggi dari itu kebanyakan-nya di-pegang oleh orang2 yang di-datangkan dari luar negeri. Walaubagaimanapun peringkat yang terlebeh itu hitongpanjang mendapat gaji dari \$11/- ka-atas pada sehari dan kakitangan2 yang lebeh tinggi dari ini ada-lah seimbang pendapatan-nya dengan pegawai2 Kerajaan yang sa-peringkat dengan mereka. Berapa banyak-lah pekerja2 luar negeri dan siapa-kah tuannya2 perusahaan perdagangan dan lain2 perusahaan kechil di-negeri ini sehingga masa ini belum-lah dapat di-ketahui sa-chara mendalam kerana ini ada-lah bergantung kapada hasil pengkajian berpos yang sedang di-jalankan pada masa ini. Walaubagaimanapun sa-chara kasar nampak-nya sebahagian besar daripada perusahaan atau usaha2 perdagangan di-negeri ini bukan-lah di-tangan orang2 tempatan jika di-telik dari segi jumlah pendapatan. Kebanyakan daripada usaha orang2 Melayu dalam sektor ini tinggal nama saja; walaupun ada di-antara mereka yang berdaftar sebagai tuan2punya Sharikat atau perusahaan, Perusahaan2 mereka2 itu tidak juga mati, tetapi hanya apa yang di-katakan sebagai belum di-jalankan atau belum dapat berjalan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEGAWAI PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Pelajaran di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai ijazah Honours dari sa-buah universiti yang di-iktiraf dan mempunyai kelulusan professional dalam pendidekan. Mereka mesti-lah boleh memberi kuliah dalam Bahasa Melayu dalam Pendidekan. Chara2 Mengajar dan Saikoloji Pendidekan. Mempunyai pengalaman dalam memberi kuliah di-sabuh Maktab Perguruan akan merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B2 EB3 — B\$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50-1820. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman mengajar yang di-perolehi oleh chalu2.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaa selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama, bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaa.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang dilantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap

berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mei, 1970.

Di-Pejabat Daerah Temburong

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Daerah, Temburong. Hanya orang2 yang tinggal di-Daerah Temburong dan mempunyai pengetahuan tentang daerah ini di-kehendaki memohon.

a) MANDOR.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 25 dan 45 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu atau yang bersamaan.
- Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman mengawas pekerja2 buroh.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/ 200 x 5 — 220.

b) PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur

di-antara 18 dan 40 tahun serta boleh membaca dan menulis.

- Mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut selama sekurang2-nya 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Mei, 1970.

Pemandu

Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang berikut di-kehendaki memohon:—

PEMANDU TINGKAT II (5 kekosongan)

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti - lah mempunyai lesen pemandu kelas 3, 5 atau 11 yang sah tanpa sebarang chatetan kesalahan dalam lesen mereka. Mereka juga mesti mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sa-bagai pemandu dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.
- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 21 tahun dan tidak lebih 35 tahun.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas2 siang atau malam bila2 masa di-kehendaki.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mei, 1970.

Kerja2 kosong di-Sub-Kontrek Chak Chuen & Co.

Ada-lah di-ma'alomkan kepada orang ramai (Raayat Sultan, atau mereka yang ada memiliki Kad Pengenalan Warna Merah, Brunei) ada-lah di-pelawa untuk memasoki bekerja dengan Sub-Kontrek Chak Chuen & Co., untuk bekerja dengan Sharikat L.N.C. di-Lumut. Beberapa jenis pekerjaan itu ada-lah seperti berikut:—

- Buroh kasar (Am) di-kehendaki 20 orang, gaji \$7.00 sa-hari.
- Buroh kasar (Kongrekar) di-kehendaki 10 orang, gaji \$7.00 sa-hari.

iii) Tukang kayu (Mahir/Sa-paroh Mahir) di-kehendaki 20 orang — gaji \$10.00 sa-hari.

iv) Tukang Simen (Mahir/Sa-paroh Mahir) di-kehendaki 4 orang — gaji \$10.00 sa-hari.

v) Pemandu Lori (Truck) Kelas V, di-kehendaki 1 orang — gaji \$8.50 sa-hari.

vi) Fitter/Meknik, di-kehendaki 2 orang — gaji \$10.00 sa-hari.

vii) Kerani (perempuan) yang boleh Menaip, Menulis dan Membaca dalam bahasa2

Melayu/Inggeris dan China. Di-kehendaki 1 orang — gaji sabulan \$250.00.

Tempat tinggal di-tempat pekerjaan Lumut akan di-sediakan. Kenderaan untuk membawa pekerja2 yang berkehendakan itu dari Bandar Brunei, Kuala Belait atau lain2 tempat akan di-uruskan.

Orang2 ramai yang ingin memasoki jenis2 pekerjaan tersebut, atau untuk mengetahui dengan jelas-nya boleh-lah dengan sa-besara segera datang ka-Pejabat2 Buroh bahagian Pekerjaan, sama ada di-Bandar Brunei atau di-Kuala Belait.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



MASHUARAT AGONG PERKASA

(Dari Muka 1)

Sa-belum berangkat, belia2 itu akan di-beri penerangan2 khas terutama mengenai kebudayaan dan adat istiadat Brunei untuk di-pertunjukkan di-perhimpunan itu di-samping mengenalkan negeri ini.

Belia2 di-negeri ini juga telah di-jemput untuk menghadhiri satu lagi perhimpunan belia sa-dunia yang akan berlangsung di-New York.

Yang Di-Pertua MBB itu menerangkan bahawa chadang untuk menghantar belia2 dari negeri ini ka-perhimpunan itu sedang di-pertimbangkan.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Yang Di-Pertua Persatuan PERKASA, Awang Thani bin Muhammad dan Setia Usaha Persatuan itu Awang Mohamad Yusof bin Muhammad.

Persatuan itu juga telah mengadakan Pesta Ria dengan mengadakan beberapa persembahan2 yang menarik pada malam itu.

Perlawanan sepak raga jaring anjoran PGGMB

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu Brunei akan menganjorkan perlawanan sepak raga jaring bersempena menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 tahun.

Perlawanan tersebut terbuka kepada persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, kelab2 dan sekolah2 serta maktab2 diseluruh negeri.

Perlawanan itu akan dibahagikan kepada dua bahagian — 'A' dan 'B'.

Tiap2 persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, kelab2, sekolah2 dan maktab2 boleh menghantar dua pasukan yang mengandungi lima orang pemain.

Bayaran masuk untuk bertanding bagi Daerah Brunei-Muara akan dikenakan \$8.00 bagi kumpulan 'A' dan \$7.00 bagi kumpulan 'B'.

Bayaran masuk bagi lain2 daerah akan di-tetapkan oleh penganjur di-daerah yang berkenaan.

Borang2 masuk bertanding boleh di-dapati dari Awg. Hussian Zainal dan Awang Muhammad Ismail, di-Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei; Che'gu Idris Hamid, Sekolah Melayu SMJA Pusu Ulak, Che'gu Abdullah Thani bin Haji Ali Hussain, Sekolah Menengah SMJA dan Che'gu Zaidi bin Taha, Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.



Sa-pasang pengantin yang memakai pakaian chara lama ini ada-lah salah satu acara yang telah di-persembahkan pada MALAM PERTIWI yang telah berlangsung di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei pada 1 Mei lepas.

Lain2 acara yang telah di-persembahkan oleh Persatuan Pertiwi pada dalam itu termasuklah persembahan2 lagu2 asli, moden, dan perunjukkan feshen kanak2.

Turut menyaksikan persembahan2 pada malam itu termasuklah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof dan Datin Hajjah Salmah dan Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohammad Salleh bin Haji Masri.

Pertunjukkan "tattoo" untuk kutip derma bagi tabong M.M.D.B.

SERIA. — Majlis Masharakat Daerah Belait akan menganjorkan pertunjukkan tattoo bagi mengutip derma untuk tabong majlis itu.

Pertunjukkan yang akan di-jayakan bersama oleh anggota2 pasukan Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Brunei itu akan di-akan pada 5 dan 6 Jun hadapan.

Keputusan bagi mengadakan pertunjukkan tattoo itu di-chapai dalam mashuarat yang di-hadhiri oleh wakil2 dari Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja yang berlangsung di-Ibu Pejabat Sharikat Minyak Shell pada 23 April lepas.

Sementara Jawatankuasa Dermasiswa Majlis Masharakat Daerah Belait telah memberikan biasiswa kepada lima orang murid dari empat buah sekolah misi di-Daerah Belait bagi tahun 1970.

Mereka ia-lah Dayang Fatimah bte Osman dari Sekolah St. James, Kuala Belait; Mary Lee dari Sekolah St. John's; T. Mallika dan Tan Lee Ming, dari Sekolah St. Margaret's, Seria dan Davey Lim Boon Keat dari Sekolah St. Michael's, Seria.

Sa-orang juruchakap bagi majlis itu berkata murid2 itu akan menerima \$150.00 setahun bagi tiga tahun pertama.

Jika mereka berjaya dalam kelas2 rendah dan di-naikkan ka-sekolah menengah, majlis itu akan menambahkan biasiswa itu sa-banyak \$50.00 lagi.

Biasiswa majlis itu ada-lah bagi enam tahun.



BANDAR BRUNEI. — Pekebun2 sayur di-Daerah Brunei-Muara mulai minggu lalu telah menjual hasil2 tanaman mereka di-belakang pasar Bandar Brunei.

Tapak penarohan kereta di-kawasan itu telah di-kosongkan selama tiga jam untuk membolehkan peladang2 itu menjual sayur2 dan hasil tanaman mereka sa-chara langsung tanpa melalui orang tengah.

Harga2 sayur yang di-jual di-situ ada-lah murah daripada harga sayur yang di-jual di-jual di-pasar biasa.

Sa-orang juruchakap Lembaga Bandaran telah menyeru kepada semua pekebun2 sayur supaya menjual hasil2 tanaman mereka ka-beberapa banyak di-tempat itu.

Pekebun2 akan hanya dikenakan bayaran 30 sen dalam tempoh tiga jam ia-itu dari 6.00 pagi hingga 9.00 pagi.

Juruchakap itu menyatakan bahawa langkah ini ia-lah untuk memberikan peluang kepada pekebun2 sayur menjual hasil tanaman mereka ka-tempat itu sa-bagai satu galakkan mengusahakan hasil tanaman mereka yang lebih baik.

Gambar atas menunjukkan sabahagian daripada pekebun2 sayur yang telah menjual hasil tanaman mereka di-tempat yang telah di-khaskan itu.

Pemandu2 di-nasihatkan berhati2

TEMBURONG. — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Salleh bin Hidup telah menasihatkan pemandu2 kereta dan lain kenderaan di-daerah itu supaya bertimbang rasa dan hormat menghormati satu sama lain, bagi mengelakkan kemungkinan berlaku-nya kemalangan.

Beliau berkata jalan2 raya itu sekarang belum mempunyai

tanda2 yang perlu kerana jalan2 itu belum lagi siap.

Awang Mohammad Salleh berkata demikian dalam sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang di-adakan di-bilik persidangan bangunan pejabat2 kerajaan di-Bangar pada hari Isnin lepas.

Tidak ada usul di-bentangkan dalam majlis pada hari itu.